



RESPONSIBLE BUSINESS CONDUCT

We are ALL responsible




# PANDUAN ETIKA PERNIAGAAN





# Refleks etika dalam poket!




Tersedia di Apple Store atau di Play Store dalam 16 bahasa.



# C O N T E N T S

	<b>SENTIASA LAKUKAN PERKARA YANG BETUL</b>	<b>2</b>
	<b>STANDARD INI TERPAKAI UNTUK SEMUA</b>	<b>4</b>
	Pendahuluan oleh Sophie BELLON	5
	Nilai-nilai Kami	7
	Prinsip-prinsip Etika Kami	7
	<b>KEADILAN DAN KEJUJURAN PADA TERAS KAMI</b>	<b>8</b>
	<b>KAMI TIDAK BERTOLERANSI TERHADAP RASUAH ATAU KORUPSI</b>	<b>12</b>
	<b>PERSAINGAN ADIL DAN TERBUKA</b>	<b>15</b>
	<b>MEMBUAT KEPUTUSAN SECARA BERETIKA, SETIAP KALI</b>	<b>17</b>
	<b>MENGGUNAKAN DAN MELINDUNGI ASET-ASET SODEXO</b>	<b>19</b>
	<b>DATA KEWANGAN YANG ANDA BOLEH HARAPKAN</b>	<b>21</b>
	<b>MELAYAN PEKERJA DENGAN ADIL DAN HORMAT</b>	<b>23</b>
	<b>KAMI HORMATI DAN LINDUNGI PRIVASI</b>	<b>24</b>
	<b>TALIAN LAPOR ETIKA SODEXO</b>	<b>26</b>



# SENTIASA LAKUKAN PERKARA YANG BETUL

## **Kita SEMUA bertanggungjawab**

Melaksanakan semua aspek perniagaan Sodexo dengan standard etika dan integriti tertinggi adalah penting untuk misi Sodexo dalam meningkatkan kualiti hidup pekerja-pekerja kami dan semua yang kami berkhidmat dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar komuniti, kawasan dan negara di mana kami beroperasi. Integriti perniagaan adalah kritikal kepada kejayaan kami dan membantu kami mencapai misi tersebut. Di mana undang-undang tempatan mengenakan standard lebih tinggi daripada PANDUAN ETIKA PERNIAGAAN kami, undang-undang dan adat tempatan patut sentiasa digunakan. Sekiranya, sebaliknya, PANDUAN ETIKA PERNIAGAAN kami memberikan standard lebih tinggi, ia patut digunakan, melainkan ini mengakibatkan aktiviti melanggar undang-undang.

Itulah sebabnya ia adalah tunggak penting dalam komitmen Tingkahlaku Perniagaan Bertanggungjawab kami.

Dokumen ini menetapkan standard yang kami harapkan daripada anda semua; sama ada sebagai ketua senior, seorang eksekutif atau pekerja hadapan.

Adalah penting anda memahami peranan yang anda mainkan dalam membantu kami mengekalkan reputasi kami sebagai perniagaan yang bertanggungjawab... Mengapa? Kerana 'kita semua bertanggungjawab'.

Kita mengendalikan perniagaan yang kompleks; bekerja dalam banyak negara dan budaya berbeza. Namun begitu, prinsip-prinsip dalam dokumen ini konsisten merentas seluruh perniagaan kami.

Kita semua juga bertanggungjawab memahami prinsip-prinsip ini, mengikut sepenuhnya dan memastikan kita menggunakan penilaian yang baik, bukan sahaja untuk memastikan kita mematuhi undang-undang, malah untuk memastikan kita sentiasa melakukan perkara yang betul; kita beretika, bersikap adil dan adalah warga korporat yang baik. Inilah yang mendefinisikan kita.

## **Kita akan mematuhi semua undang-undang berkaitan tidak kira di mana kita beroperasi.**

Selain mematuhi prinsip-prinsip yang digariskan dalam dokumen ini, kita semua bertanggungjawab mematuhi polisi-polisi dan prosedur-prosedur Sodexo dan menghormati undang-undang serta peraturan-peraturan khusus kepada negara-negara di mana kita beroperasi.

Jika anda tidak pasti, sila berhubung dengan bahagian undang-undang kami. Dan lebih penting, jika anda mengesyaki sebarang kelakuan salah laku atau kegagalan mematuhi Kod Etika, undang-undang atau polisi dan prosedur kita, anda perlu bersuara.



**Pekerja-pekerja bertanggungjawab memahami dan mematuhi Kenyataan Integriti Perniagaan kami dan menyuarakan kebimbangan atau melaporkan sebarang pelanggaran undang-undang atau polisi-polisi Sodexo yang disyaki dengan serta merta.**

Kegagalan mematuhi Kenyataan ini atau polisi-polisi Sodexo lain mungkin menyebabkan tindakan disiplin termasuk penamatan pekerjaan mengikut undang-undang tempatan dan perjanjian tawar-menawar terkumpul berkaitan.

Pekerja-pekerja patut melaporkan sebarang pelanggaran undang-undang atau polisi Sodexo segera apabila mereka menyedarinya dan mengutarakan isu atau kerisauan sebaik sahaja ia muncul. Sodexo akan membekalkan mekanisma untuk pekerja-pekerja dan pemegang-pemegang saham lain untuk mengutarakan kerisauan berkenaan integriti perniagaan. Semua laporan harus dibuat tanpa niat jahat. Laporan patut diambil serius dan dianggap sulit sejauh mungkin. Pekerja-pekerja yang membuat laporan tersebut tidak akan terbuka kepada tindakan balas, ancaman atau gangguan, dan identiti mereka akan kekal sulit sejauh mungkin berdasarkan undang-undang.

Isu-isu disebut dalam Kenyataan ini kerap rumit, dan mungkin tiada jawapan atau penyelesaian mudah. Keadaan-keadaan tidak dijangka akan muncul dalam perniagaan yang dinamik dan menyeluruh seperti Sodexo. Kami akan membekalkan pekerja-pekerja dengan sumber-sumber dan sokongan untuk mencapai standard integriti perniagaan ini, termasuk panduan untuk menjelaskan standard dinyatakan dalam Kenyataan ini dan perkakas praktikal untuk membantu pekerja kami menggunakan prinsip-prinsip ini. Selain itu, bahagian-bahagian lain perniagaan boleh memilih memberikan panduan lanjutan berkenaan penggunaan Kenyataan ini untuk situasi mereka yang khusus.





# STANDARD INI TERPAKAI UNTUK SEMUA

STANDARD INI TERPAKAI KE ATAS SEMUA PEKERJA SODEXO DAN MANA-MANA INDIVIDU YANG  
MEWAKILI KAMI

Pekerja Sodexo, perunding dan mana-mana individu dilantik untuk mewakili kami perlu mematuhi standard-standard ini, dan mana-mana individu menggunakan perunding atau pihak lain untuk mewakili Sodexo mesti mengambil langkah-langkah untuk memastikan yang pihak tersebut bersetuju mematuhi. Semua perunding atau wakil-wakil lain akan melalui pemeriksaan teliti untuk memastikan mereka tiada sejarah atau reputasi kelakuan tidak beretika. Pekerja Sodexo tidak boleh melakukan secara tidak langsung melalui orang lain yang mungkin apa yang mereka tidak boleh lakukan secara langsung.

4





## Pendahuluan oleh Sophie BELLON:

“ Layan orang lain seperti anda mahu mereka layan anda. ”

Misi Sodexo adalah untuk Meningkatkan Kualiti Hidup dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi, sosial dan persekitaran komuniti, kawasan dan negara di mana kami beroperasi. Pekerja-pekerja kami komited dengan nilai-nilai tradisi Semangat Khidmat, Semangat Pasukan dan Semangat Kemajuan, dan terhadap prinsip-prinsip etika yang membimbing kami dalam perniagaan harian kami. Sodexo adalah, dan akan kekal menjadi, sebuah syarikat yang pekerja, pelanggan, klien dan pemegang-pemegang saham lain boleh percayai. Mereka yang bekerja untuk dan bersama Sodexo patut sentiasa dihormati dan yakin tentang keutuhan hubungan dan kerjasama mereka dengan Sodexo. Setiap orang pekerja diharap mematuhi standard integriti perniagaan kami, memahami yang pelanggaran standard ini memungkinkan mereka dikenakan tindakan disiplin malah mungkin juga melanggar undang-undang. Saya harap dokumen ini membantu anda melakukan tugas anda dan berasa anda disokong dalam melakukan perkara yang betul.



It all starts with the everyday

6





## Nilai-nilai Kami

Ini adalah apa yang kami pentingkan, paling utama dan tanpa pengecualian: Sodexo hidup dengan nilai-nilai dan prinsip etikanya.



### SEMANGAT KHIDMAT

- Klien dan pengguna adalah pusat segala-gala apa yang kita lakukan.
- Untuk berkhidmat dengan mereka setiap hari, kita perlu menunjukkan kebolehan dan daya respons kita, untuk mengagak jangkauan mereka dan rasa berbangga dalam memuaskan hati mereka.
- Sodexo telah menjadi syarikat global tetapi kami masih lagi fokus kepada tempatan; pengurus-pengurus kami di lapangan adalah usahawan sebenar, hampir kepada klien dan mereka diberikan kuasa untuk membuat keputusan.

### SEMANGAT PASUKAN

- Ia sangat perlu dalam semua operasi kami, unit perniagaan dan pejabat pengurusan, dan juga jawatankuasa pengurusan kami.
- Kemahiran setiap orang digabungkan dengan pengetahuan ahli pasukan yang lain akan membantu memastikan kejayaan Sodexo.
- Kerja berpasukan bergantung kepada yang berikut: mendengar, ketelusan, hormat terhadap orang lain, kepelbagaian, perpaduan dalam melaksanakan keputusan besar, hormat kepada peraturan dan sokongan bersama, terutama ketika masa-masa mencabar.

### SEMANGAT KEMAJUAN

- Semangat kami juga kepercayaan kuat bahawa kami akan sentiasa menambahaik situasi semasa.
- Penerimaan penilaian dan perbandingan prestasi kami dengan rakan sekerja atau pesaing.
- Penilaian diri, kerana memahami kejayaan an kegagalan kami adalah asas menambah baik secara berterusan.
- Imbangan antara cita-cita dan rendah diri.
- Sifat optimis, kepercayaan kepada setiap masalah ada penyelesaian, inovasi atau cara untuk meneruskan.

7

## Prinsip Etika Kami



### KESETIAAN

Asas kesetiaan, dikongsi oleh Sodexo dengan klien, pekerja dan pemegang sahamnya, berdasarkan hubungan yang jujur dan terbuka. Kesetiaan adalah batu penjuru bagi setiap operasi dalam organisasi kami.

### MENGHORMATI ORANG LAIN

Sifat kemanusiaan adalah teras perniagaan kami. Sodexo komited memberikan peluang sama rata, tidak kira bangsa, jantina, kepercayaan, agama atau pilihan gaya hidup. Meningkatkan kualiti hidup bermaksud memberikan setiap orang kehormatan, maruah dan pertimbangan.

### KETELUSAN

Ini adalah satu daripada prinsip utama Sodexo dan satu pemalar dengan semua pihak berkepentingan: klien, pengguna, pekerja, pemegang saaham dan orang awam.

### KEUTUHAN PERNIAGAAN

Kami tidak bertolak ansur terhadap sebarang amalan tanpa asas kejujuran, integriti dan keadilan, di mana sahaja di dunia kami berniaga. Kami berkomunikasi dengan klien, pembekal dan pekerja dengan jelas dan mengharapkan mereka berkongsi amalan menolak korupsi dan tidak adil ini.



# KEADILAN DAN KEJUJURAN PADA TERAS KAMI

KAMI AKAN BERURUSAN DENGAN ADIL DAN JUJUR DENGAN  
SEMUA PIHAK BERKEPENTINGAN KAMI

Sodexo akan berurusan dengan jujur dan adil dengan semua pihak berkepentingan kami, termasuk semua pekerja, klien, pelanggan, rakan kerjasama dan pembekal. Ini bermaksud kami akan menghormati komitmen kontrak kami dan mendukung kata-kata dan semangat aturan perniagaan kami. Ini juga bermaksud kami akan melayan pekerja-pekerja kami dengan adil dan akan mematuhi sepenuhnya undang-undang berkaitan yang melarang diskriminasi terhadap dan memberikan perlindungan kepada pekerja-pekerja dan pelanggan kami.



## PEMBEKAL

### Apa yang anda boleh harapkan:

- Sodexo komited bertindak dengan standard integriti perniagaan tertinggi.
- Sodexo tidak bertolak ansur terhadap sebarang amalan yang tidak konsisten dengan prinsip-prinsip kejujuran, integriti dan keadilan, di mana sahaja di dunia kami berniaga.
- Sodexo berusaha memastikan keadilan dalam proses pemerolehan dan, dengan itu, bekerjasama dengan pembekal-pembekal beretika lain sepanjang rantaian bekalan kami.
- Sodexo tidak akan berurusan dalam sebarang tindakan dengan persaingan tidak adil dan tidak akan mengambil bahagian dalam rasuah dalam apa saja bentuk.
- Sodexo akan membekalkan pekerjaanya dengan bimbingan dan latihan berkenaan bagaimana berurusan dengan pembekal, penjual dan lain-lain pihak ketiga.
- Sodexo akan memberikan Tatakelakuan Pembekal bagi memastikan semua orang mempunyai jangkaan yang sama.

### Apa yang kami harapkan daripada anda:

- Patuh semua undang-undang dan peraturan berkaitan.
- Buat keputusan mengikut pertimbangan perniagaan sah.
- Ikut proses standard untuk memastikan pemilihan pembekal, penjual dan perunding yang adil.

- Memastikan semua pembekal kami mematuhi standard etika dicerminkan dalam Tatakelakuan Pembekal.
- Laporkan keadaan kewangan dan keputusan operasi dengan jujur dan segera.
- Berurusan dengan klien, pelanggan, pembekal dan rakan kerjasama kewangan dengan jujur dan adil.
- Mengelakkan terjadi dan kemungkinan terjadinya konflik kepentingan.
- Mengelak pemberian dan/atau penerimaan hadiah yang tidak seharusnya.
- Menjaga keselamatan aset-aset Sodexo.
- Melindungi maklumat sulit dan proprietari.
- Melindungi reputasi Sodexo.
- Mengasingkan aktiviti politik peribadi daripada perniagaan Sodexo.
- Melaporkan semua pelanggaran undang-undang dan peraturan dan standard etika berkaitan yang dilihat.

### Sesuatu untuk difikirkan:

- **Adakah anda mempunyai isu konflik kepentingan dengan pembekal?**  
Contohnya, jika wakil pembekal adalah rakan atau ahli keluarga kemungkinan terdapat konflik kepentingan dalam proses rundingan.

- **Adakah anda atau ahli keluarga anda diberi sesuatu oleh pembekal?** Jika pembekal telah memberikan anda hadiah dan hiburan yang boleh dilihat sebagai konflik kepentingan kerana anda mungkin sekali akan memberi konsesi. Di sesetengah negara, memberikan hadiah dan hiburan boleh menjadi pelanggaran undang-undang, walaupun dalam urusanniaga komersial persendirian, jika terdapat niat merasuah.
- **Pernahkah pembekal menjemput anda atau keluarga ke acara hiburan seperti makan malam atau menonton acara sukan?** Jika pembekal tidak memberikan hadiah dan hiburan kepada anda terus tetapi melakukannya kepada ahli keluarga, ia boleh menjadi konflik kepentingan dan mungkin melanggar undang-undang.
- **Selain daripada pertimbangan perniagaan, adakah terdapat apa-apa yang mungkin memberi kesan kepada anda membuat keputusan?** Akhirnya, anda mesti membuat keputusan mengenai pembekal berkenaan yang akan paling memanfaatkan Sodexo dan bukan diri anda sendiri.
- **Adakah anda mengambil laluan pintas dalam proses pembidaan atau terlupa melalui bahagian undang-undang untuk perjanjian anda?** Tujuan mengapa terdapat proses rasmi dalam berurusan dengan pembekal adalah untuk memastikan keadilan dan menggunakan kontrak untuk mendokumentasi urusanniaga. Jika anda melangkau proses untuk mengkontrak pembekal, anda merisikokan diri anda dan Sodexo.



## KLIEN

### PRACTICAL ILLUSTRATIONS:

**Saya sedang mencuba mencari pembekal baru untuk barangan pejabat. Pembekal pertama saya hubungi menawarkan perkhidmatan yang lebih baik, tetapi pada harga yang tinggi. Yang kedua tidak begitu bagus tetapi lebih murah (kebanyakannya disebabkan diskaun besar untuk mendapatkan pembelian Sodexo). Bolehkah saya memaklumkan pembekal pertama tentang harga yang diberikan pembekal kedua supaya mereka menurunkan harga?**

Anda patut mengekalkan perbualan dengan syarat yang tidak khusus dengan pembekal pertama. Apa maklumat yang didedahkan bergantung kepada beberapa faktor, contohnya had kontrak, seperti bahasa bidaan dan perjanjian tanpa pendedahan atau undang-undang tempatan yang mengehadkan apakah maklumat yang boleh dikongsikan. Adalah lebih baik memaklumkan yang anda mendapat tawaran lebih baik di tempat lain tanpa mendedahkan identiti dan harga pembekal kedua. Anda patut berhati-hati berkenaan memberikan pembekal pertama maklumat sulit tentang pesaing. Amalan ini boleh dianggap tidak beretika dan di banyak negara, melanggar undang-undang.

Jika pembekal telah memberikan anda hadiah dan hiburan yang boleh menjadi konflik kepentingan kerana anda mungkin lebih berkebarangkalian memberi konsesi. Di sesetengah negara, memberikan hadiah dan hiburan mungkin melanggar undang-undang walaupun dalam urusan komersial persendirian jika terdapat niat merasuah..

**Seseorang memberitahu saya secara sulit yang salah satu pembekal antarabangsa kita disiasat kerana disyak menggunakan buruh paksaan. Pembekal belum memaklumkan saya tentang ini dan ketika pemeriksaan tapak sebelumnya tiada sebab untuk risau. Patutkah saya mengabaikan desas-desus ini?**

Tentulah tidak. Sodexo komited melakukan perniagaan dengan pembekal beretika sahaja. Penyiasatan patut dilakukan dengan segera dan anda patut mendapatkan bantuan untuk menyiasat isu ini. Bawa situasi ini untuk perhatian pengurus anda, supaya peguam atau sumber berkenaan lain dapat menangani kebimbangan ini pada tahap yang betul dalam pasukan. Jika anda rasakan yang kebimbangan anda tidak dipedulikan, bawakannya ke platform Speak Up Sodexo. Jika penyiasatan menunjukkan tiada skop untuk penambahbaikan, pembekal akan dimaklumkan dan tindakan pembetulan akan dibincangkan. Tentulah, dalam kes tidak pematuhan terhadap standard kita yang teruk di mana kita tidak dapat memikirkan sebarang pembetulan segera atau jika pembekal tidak menambahbaik, kita perlu menghentikan hubungan ini

### Apakah yang anda boleh jangkakan:

- Sodexo akan menghormati komitmen kontrak dan mendukung aturan perniagaan kami.
- Sodexo akan melayan pekerja-pekerja dengan adil dan akan mematuhi sepenuhnya segala undang-undang berkaitan yang melarang diskriminasi terhadap pekerja dan pelanggan.
- Sodexo bertanggungjawab mengekalkan standard integriti paling tinggi dalam amalan perniagaan dengan semua pihak berkepentingan.

### Apakah yang dijangkakan daripada anda:

- Sentiasa menghormati komitmen kontrak dan mendukung aturan perniagaan.
- Sentiasa membuat keputusan perniagaan berdasarkan keperluan perniagaan yang sah.
- Jangan bertolak ansur dengan rakan perniagaan yang melakukan amalan yang tidak boleh diterima untuk Sodexo atau pekerja kami.
- Jangan mendiskriminasi sesiapa tanpa asas yang kukuh.
- Sentiasa membuat keputusan sumber manusia berdasarkan pertimbangan perniagaan mengikut undang-undang pengambilan pekerja yang berkenaan.
- Sentiasa mematuhi peraturan kesihatan relevan dan polisi keselamatan Sodexo.

### ILUSTRASI PRAKTIKAL:

**Anda sedang bekerja dalam satu projek dimana Sodexo bekerjasama dengan firma tempatan untuk memberikan perkhidmatan makanan kepada pekerja-pekerja minyak. Kebanyakan pekerja klien adalah daripada kumpulan etnik majoriti negara ini. Telah berlaku beberapa insiden di dewan makan, menyebabkan gangguan perkhidmatan makanan sementara, apabila pekerja-pekerja ini bergaduh dengan ahli-ahli kumpulan etnik lebih kecil. Satu hari, anda diberitahu bahawa untuk mengelakkan gangguan seperti ini, usaha sama ini tidak akan membenarkan pekerja kumpulan minoriti daripada menggunakan ruang makan. Walaupun kita tidak mengawal usaha sama ini, patutkah anda melakukan sesuatu?**

Ya. Diskriminasi terhadap pelanggan atau siapa sahaja berdasarkan faktor seperti etnik adalah melanggar prinsip-prinsip Sodexo. Anda patut membawa kes ini kepada perhatian pengurus anda supaya orang berkenaan dapat membincangkannya pada tahap yang betul dalam usaha sama ini.

**Sebagai pengurus kawasan, anda telah diminta mencari ahli gabungan untuk program Penyelesaian Motivasi baru. Seorang rakan anda memiliki dan menguruskan satu daripada perniagaan yang anda sedang pertimbangkan, kedai runcit. Bolehkah anda mempertimbangkan perniagaan rakan anda sebagai potensi ahli gabungan? Apakah yang anda perlu lakukan sekiranya anda memilih perniagaan rakan anda?**

Ya, anda boleh mempertimbangkan perniagaan rakan anda sebagai potensi ahli gabungan. Namun begitu, anda patut mengelakkan sebarang konflik kepentingan atau keadaan yang tidak sepatutnya. Anda patut membuat keputusan sama seperti anda membuat keputusan perniagaan lain untuk Sodexo, berdasarkan keperluan perniagaan yang sah seperti kualiti produk dan perkhidmatan ditawarkan, dan bukan pertimbangan peribadi seperti persahabatan anda. Bekerja bersama rakan sekerja yang lain untuk menyelidik syarikat rakan anda secara menyeluruh dan kritis seperti perniagaan lain, dan untuk membuat cadangan.

Jika, akhirnya, anda memutuskan mencadangkan perniagaan rakan anda sebagai ahli gabungan, anda mesti menerangkan kepada penyelia anda yang pemiliknyanya adalah seorang rakan, tetapi anda percaya yang perniagaannya adalah paling sesuai untuk Sodexo dan bersedia untuk menjelaskan mengapa. Ia amatlah penting untuk mendedahkan sebarang hubungan peribadi sebelum membuat keputusan perniagaan, supaya tiada persoalan selepas ia dibuat, sebab anda membuat cadangan ini boleh dipersoalkan dan untuk meletakkan langkah-langkah keselamatan tambahan, sekiranya perlu, untuk mengelak sebarang insiden berat sebelah.


**PEKERJA**

clude:Sodexo mempunyai **10** asasi manusia, yang mempunyai impak penting kepada kualiti hidup pekerja-pekerja kami. Asasi-asasi ini termasuk:

1. Tempat kerja yang selamat, dilindungi dan sihat
2. Hubungan kerja yang dihormati: tiada gangguan, buli, ancaman atau keganasan
3. Latihan, perkakas, dan peralatan untuk prestasi kerja yang cekap dan selamat
4. Pengurusan jelas: misi dan objektif
5. Hormat terhadap hak-hak asasi di tempat kerja
6. Bayaran penuh: pada masa yang tepat setiap kali
7. Jadual adil: dalam maksima yang mematuhi undang-undang dengan hari cuti dan masa rehat yang cukup
8. Privasi dan keselamatan data untuk maklumat peribadi
9. Penginapan yang baik dan sesuai (jika disediakan)
10. Suara: mekanisma rungutan bermakna dilindungi daripada pembalasan

**Apakah yang anda jangkakan:**

- Sodexo menggalakkan budaya 'sifar kemalangan'. Ini bermaksud, apabila kita beroperasi, Sodexo menepati semua peraturan kesihatan dan keselamatan relevan dalam setiap aktiviti kami.
- Sodexo komited memastikan yang semua orang dilayan dengan hormat di tempat kerja.
- Sodexo akan mengambil pendekatan 'sifar toleransi' ke atas insiden-insiden buli, gangguan atau keganasan di tempat kerja. Sebarang tindakan atau ancaman akan diambil serius, disiasat segera dan diambil tindakan serta-merta. Jika perlu, Sodexo akan menggalakkan campur tangan polis dan mencadangkan pendakwaan jenayah.
- Jika anda adalah mangsa keganasan dan menderita trauma fizikal atau mental akibatnya, Sodexo akan menyokong anda dalam pemulihan anda.
- Sodexo akan memastikan terdapat penerangan kerja bertulis untuk memaklumkan semua pekerja tugas-tugas mereka. Semua pengurus ada objektif jelas.
- Komitmen Sodexo menghormati hak-hak kemanusiaan adalah berdasarkan prinsip-prinsip hak kemanusiaan antarabangsa. Prinsip-prinsip ini ditetapkan dalam Prinsip-prinsip Panduan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan, Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejangat, Rang Undang-Undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa, Deklarasi Organisasi Buruh Antarabangsa mengenai Prinsip-prinsip dan Hak-hak Asas di Tempat Kerja, dan Compact Global Persatuan Bangsa Bersatu.
- Sodexo komited menghormati hak-hak pekerja menyertai kesatuan sekerja pilihan mereka, bebas daripada sebarang bentuk pembalasan yang mungkin mengganggu keupayaan mereka untuk menggunakan hak-hak kebebasan berserikat dan tawar-menawar kolektif.
- Tiada pekerja Sodexo akan diminta bekerja atau melakukan sebarang perkhidmatan lain dibawah ancaman hukuman.
- Sodexo tidak akan menggaji sesiapa bawah umur 15, melainkan dalam bentuk perantisan atau latihan amali sebagai sebahagian daripada program latihan profesional yang diperakui. Di negara-negara di mana umur bekerja minimum adalah atas 15, Sodexo akan menghormati undang-undang tempatan.
- Sodexo hanya akan menggaji pekerja berdasarkan kriteria kelayakan, kecekapan dan pengalaman profesional. Kriteria-kriteria ini juga termasuk pampasan, keadaan tempat kerja, kenaikan pangkat, mobiliti dan latihan.
- Sodexo melawan sebarang bentuk diskriminasi berkenaan penggajian dan menggalakkan kepelbagaian dan penerimaan yang mematuhi undang-undang tempatan.
- Sodexo memastikan semua pekerja dibayar tepat pada masa setiap kali (gaji dan pampasan-pampasan lain).
- Sodexo akan memastikan bahawa jadual mematuhi undang-undang yang berkenaan, tidak menghendaki pekerja bekerja secara berlebihan jam, dan menyediakan tempoh yang sesuai untuk makan, rehat, dan waktu perlepasan.
- Sodexo hanya akan mengumpul data peribadi sekiranya perlu. Apabila data dikumpul, ia akan diuruskan dengan selamat.
- Apabila Sodexo membekalkan pekerja-pekerja dengan penginapan, ia adalah selesa dan sesuai.
- Platform Speak Up Sodexo membolehkan anda mengutarakan kebimbangan yang anda mungkin ada berkenaan Kod Etika Perniagaan Sodexo dalam persekitaran yang selamat dan sulit.
- Kami akan memastikan proses yang adil sekiranya terdapat siasatan, menghormati prinsip-prinsip kesulitan dan tidak bersalah sebelum dibuktikan. Sebarang penyiasatan juga akan mematuhi undang-undangan tempatan berkaitan.

**Apakah yang dijangkakan daripada anda:**

- Sentiasa bekerja bebas daripada pengaruh sebarang bahan yang mungkin mengganggu penilaian atau prestasi.
- Sentiasa menggalakkan budaya keselamatan dan mengikut standard dan proses kesihatan dan keselamatan kami.
- Laporkan kemalangan, kecederaan dan peralatan, amalan atau keadaan tidak selamat kepada penyelia atau orang berkenaan dengan segera.
- Layan orang lain seperti anda mahu dilayan dengan sopan-santun, bermaruah dan hormat.
- Jangan mengancam sesiapa dengan keganasan fizikal, psikologi atau kata-kata.
- Jangan berkelakuan dengan cara yang mengancam, mengganggu, berniat jahat atau menghina.
- Pakai peralatan perlindungan peribadi bersesuaian apabila diperlukan, dan mohon gantian jika peralatan rosak.
- Minta latihan sekiranya was-was berkenaan keupayaan dan kemahiran bagi memastikan perkhidmatan diberikan dengan selamat.
- Kenalpasti dan hormati perbezaan dalam kebudayaan dan kepercayaan.
- Laporkan sebarang pelanggaran hak-hak asasi di tempat kerja kepada penyelia, hubungi sumber manusia atau orang berkenaan yang lain dengan segera.
- Pastikan anda menghormati kenyataan privasi data kami.
- Laporkan sebarang pelanggaran komitmen ini kepada penyelia, hubungi sumber manusia atau orang berkenaan yang lain dengan segera.
- Jika kerisauan anda tidak dapat dikendalikan melalui saluran-saluran biasa, laporkan sebarang pelanggaran melalui platform Speak Up Sodexo.

**ILUSTRASI PRAKTIKAL:**

**Sebagai seorang wakil jualan, saya kerap memandu pada waktu malam gelap di bandar-bandar besar dan kawasan perkampungan. Kadangkala saya tidak berasa selamat. Saya telah mengutarakan isu keselamatan dengan pengurus saya tetapi beliau tidak mengambil tindakan berkenaan kerisauan saya. Patutkah saya membawa isu ini kepada orang lain dalam syarikat?**

Ya, anda patut menghubungi Pengurus Sumber Manusia kami untuk membincangkan penyelesaian yang terbaik untuk mengelak situasi sebegini..

**Pengurus saya kadangkala sangat menakutkan. Saya tahu dia kuat mendorong kami untuk memberikan kerja yang berkualiti, tetapi ada kala sehingga mengaibkan orang lain, dan ini menjejaskan semangat kami sepasukan. Adakah apa-apa yang boleh saya lakukan?**

Pengurus-pengurus Sodexo diharapkan untuk mencabar dan membimbing pasukan mereka untuk memberikan kualiti kerja yang diperlukan oleh klien-klien kami. Ini mungkin bermaksud bahawa mereka akan mengkritik atau mengulas prestasi ahli-ahli pasukan. Namun begitu, pengurus juga diharapkan melayan ahli-ahli pasukan dengan hormat dan bermaruah. Jika anda berasa yang anda tidak dilayan secara profesional, anda patut cuba berkap dengan pengurus anda. Anda juga boleh menghubungi Pengurus Sumber Manusia.

**Apakah yang patut saya lakukan?**

**Pengurus Daerah saya telah mengarahkan saya mematikan peranti keselamatan.**

Anda tidak patut memintas, menyahsambung atau mematikan sebarang peranti keselamatan atau peralatan pengawasan tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada wakil keselamatan. Sekiranya pengurus daerah anda mendesak, anda mesti menolak dan memaklumkan kepada pengurusan tapak dan pengurus Sumber manusia anda. Keselamatan adalah komitmen yang tidak patut dikompromi..

**Di universiti, satu acara besar dirancang pada permulaan semester untuk pelajar-pelajar yang akan datang. Untuk menangani kesibukan ini, pengurus unit keluar dari dapur untuk menyeliakan unit lain dan anda mendapati terdapat pekerja yang bekerja tanpa rehat yang diperlukan. Walaupun ia adalah acara tunggal dan matlamatnya adalah untuk membuat acara ini berjaya, patutkah anda melaporkan pelanggaran ini kepada pengurus unit?**

Ya. Pengurus unit tahu yang sebahagian daripada kejayaan acara adalah memastikan keadaannya selamat. Anda patut sentiasa memastikan yang anda dan rakan sekerja anda mematuhi amalan kesihatan dan keselamatan kami. Adalah penting memaklumkan kepada pengurus unit anda sekiranya polisi-polisi ini tidak diikuti.

Ya, Pengurus unit tahu yang sebahagian daripada kejayaan acara adalah bermaksud memastikan keadaan adalah selamat dan sihat. Kita juga melindungi reputasi Sodexo dengan sentiasa mengikuti standard amalan kesihatan dan keselamatan, walaupun ia nampak seperti tidak perlu untuk matlamat jangka masa pendek. Anda patut sentiasa memastikan yang anda dan rakan sekerja mematuhi amalan kesihatan dan keselamatan kami. Adalah penting anda memaklumkan kepada pengurus unit anda.



# KAMI TIDAK BERTOLERANSI TERHADAP RASUAH ATAU KORUPSI

**KAMI AKAN MENANGI PERNIAGAAN BERDASARKAN MERIT, BUKAN  
MELALUI RASUAH ATAU KORUPSI**

Sodexo menangi perniagaan berasaskan kekuatan dan kualiti perkhidmatan kami. Sodexo atau sesiapa yang bertindak mewakili kami tidak akan memberi hadiah atau apa-apa barang bernilai lain kepada pekerja awam atau pihak persendirian untuk mendapatkan kelebihan perniagaan. Sama ada berurusan dengan pekerja kerajaan, pelanggan persendirian atau klien akan datang, kami tidak akan memberikan hadiah, menyediakan hiburan atau membuat sumbangan politik yang tidak sepatutnya untuk mempengaruhi keputusan berkenaan Sodexo, untuk mendapatkan kontrak atau mendapatkan sebarang kelebihan perniagaan tidak sepatutnya. Selain itu, pekerja Sodexo tidak akan menerima hadiah atau hiburan daripada pembekal atau pembekal akan datang untuk perniagaan atau harga lebih baik atau kelebihan perniagaan yang tidak sepatutnya.

Dalam semua kes, pekerja Sodexo mesti dipandu dengan standard Sodexo berkenaan integriti dan kejujuran. Oleh itu, pekerja-peker Sodexo patut mengelak walaupun hanya syak terdapatnya tindakan tidak sepatutnya, dan tidak menerima, menawarkan atau memberikan sebarang hadiah atau hiburan yang mungkin mengkompromi tindakan mereka, mempengaruhi orang lain atau dengan kata lain memberi Sodexo reputasi negatif.

Sesetengah hadiah dan hiburan perniagaan mungkin dibenarkan mengikut standard integriti perniagaan kami. Pekerja Sodexo boleh menawarkan atau memberikan hadiah, hiburan atau apa-apa barang bernilai lain kepada pihak persendirian sekiranya nilainya rendah, konsisten dengan undang-undang berkaitan dan amalan perniagaan tempatan dan tidak ditawarkan untuk mendapat kelebihan tidak adil.

Hadiah atau hiburan yang mungkin dibenarkan untuk pelanggan bukan kerajaan mungkin melanggar undang-undang atau tidak beretika apabila berurusan dengan pekerja awam. Sebagai contoh, sesetengah kerajaan memperkenalkan undang-undang melarang pekerja atau pekerja mereka daripada menerima apa-apa barangan bernilai daripada orang awam, yang mungkin termasuk membayar perjalanan atau penginapan hotel atau satu hidangan pekerja tersebut. Di sesetengah negara, perniagaan mungkin dikawal oleh kerajaan, membuatkan wakil sukar untuk membezakan antara pekerja komersial atau kerajaan. Oleh itu, pekerja-pekerja perlu berhati-hati apabila berurusan dengan pekerja awam.



### Apakah anda boleh jangkakan:

- Sodexo tidak akan mengambil bahagian dalam sebarang bentuk kelakuan korupsi, sama ada secara langsung atau tidak langsung, di mana-mana sahaja di dunia.
- Sodexo tidak akan membenarkan sebarang pembayaran tidak sekata atau pembayaran untuk memenangi perniagaan, menggalakkan orang lain untuk bertindak tidak sepatutnya atau mempengaruhi keputusan untuk memanfaatkan mereka dalam apa situasi sekalipun.
- Sodexo tidak akan membuat pembayaran kemudahan dan tidak akan membenarkan orang lain yang bekerja untuk kami atau mewakili kami membuatnya.
- Sodexo akan mengambil tindakan disiplin dan, sekiranya perlu, tindakan undang-undang sekiranya anda memberi atau menerima rasuah, atau melakukan atau membenarkan sebarang bentuk korupsi.
- Sodexo akan melakukan pemeriksaan latar belakang ke atas semua perunding dan ejen yang digunakan.
- Sodexo akan menekankan polisi berkenaan korupsi, rasuah dan pembayaran kemudahan diikuti oleh rakan kerja termasuk usahasama, ejen, kontraktor dan pembekal.

### • Apakah dijangkakan daripada anda:

- Sentiasa bekerja bebas daripada pengaruh sebarang bahan yang mungkin mengganggu penilaian atau prestasi.
- Jangan menerima, menawar, atau memberi hadiah atau apa-apa barangan bernilai untuk mendapatkan kelebihan perniagaan atau untuk tujuan mempengaruhi. Anda mungkin biasanya dibenarkan untuk menawar atau memberi hadiah, hiburan atau barangan bernilai lain apabila nilainya rendah, konsisten dengan undang-undang berkenaan dan amalan perniagaan tempatan dan tidak ditawarkan untuk mendapatkan kelebihan tidak sepatutnya.
- Apabila berurusan dengan kontraktor, perhatikan tanda-tanda amaran potensi korupsi di pihak mereka. Sila ambil perhatian terhadap:
  - > reputasi tempatan kontraktor (tentukan sama ada calon, klien atau rakan kerjasama perniagaan adalah pekerja awam)
  - > kontrak yang patut menetapkan dengan jelas apa setiap pihak perlu lakukan
  - > syarat-syarat pembayaran komisen dalam perjanjian dengan ejen atau perunding: perhatikan pendahuluan besar dan tidak berasas
  - > invoices, yang patut memberikan penerangan terperinci berkenaan perkhidmatan yang diberikan
  - > tahap bayaran, yang sepatutnya setara dengan kadar biasa untuk perkhidmatan serupa

- Sentiasa merekod dan mendapatkan resit untuk semua pembayaran sah.
- Jangan upah perunding, ejen atau pihak ketiga untuk bekerja untuk atau dengan Sodexo jika Sodexo tahu atau jika anda ada sebab untuk mempercayai bahawa ejen ini berkemungkinan membuat pembayaran tidak sepatutnya ketika bekerja bagi pihak Sodexo.
- Mematuhi undang-undang anti-korupsi/anti-rasuah dan konvensyen - seperti undang-undang Sapin II, Konvensyen OECD 1997 dan Akta Amalan Rasuah Asing AS (FCPA) dan Akta Anti Rasuah UK - dalam setiap negara di mana Sodexo berniaga, dan memerlukan kontraktor melakukan perkara yang sama..

### Sesuatu untuk difikirkan:

- Apabila mendapatkan kelulusan, letakkan dalam konteks; sebut jumlah sebarang hadiah atau hiburan yang anda telah berikan atau terima daripada orang atau perniagaan yang sama sepanjang tahun.

*Pertimbangkan sama ada hadiah atau hiburan yang ditawarkan, walaupun di bawah had dibenarkan, adalah bersesuaian mengikut fakta dan keadaan. Jika was-was, jangan berikan atau terima hadiah itu. Dilihat melakukan sesuatu yang tidak sepatutnya adalah sama penting dengan melanggar polisi itu sendiri.*



- Jangan beri atau terima tunai atau serupa dengannya.
- Ketika proses pembidaan atau tender sedang berjalan, jangan menawar atau menerima hadiah atau hiburan dengan klien atau pembekal yang relevan.
- Apabila terdapat ejen yang akan berinteraksi dengan pihak ketiga bagi pihak Sodexo, sebelum ejen ini diupah, Sodexo patut melakukan penyiasatan lanjutan ke atas kelayakan ejen untuk memuaskan kebimbangannya tentang sebarang 'bendera merah' yang telah ditemui. Kontrak bertulis yang mengandungi peruntukan anti-korupsi patut ditandatangani, dan individu Sodexo bertanggungjawab patut melakukan perbincang terlebih dahulu dengan ejen. Untuk semua kes seperti ini, periksa dengan penyelia anda.



### ILUSTRASI PRAKTIKAL:

**Anda adalah pengurus daerah untuk perkhidmatan pengurusan kemudahan untuk satu daerah sekolah bandar kecil yang kurang peruntukan dana yang sedang membida semula perkhidmatannya. Menurut permintaan penguasa sekolah, anda diminta mengacarakan jamuan hari lahir untuk datuk bandar. Patutkah anda bersetuju merancang dan membayar untuk jamuan ini?**

Tidak. Mengacarakan jamuan hari lahir untuk datuk bandar (pekerja kerajaan tempatan) melanggar Polisi Sodexo dan boleh dianggap sebagai rasuah, memandangkan ia mungkin dilihat sebagai jamuan untuk mendapatkan pembaharuan kontrak. Tambahan lagi, dalam sesetengah peruntukan undang-undang, ini boleh dilihat sebagai sumbangan politik dan perlu dilaporkan.

**Anda sedang cuba meyakinkan pentadbir kerajaan tempatan yang menyelia program insentif untuk pekerja awam berpindah ke program 'kad pintar' elektronik. Walaupun selepas anda menjelaskan kelebihan program tersebut, beliau masih tidak yakin dan meminta beliau dan ahli pekerja beliau dibenarkan menggunakan kad-kad ini untuk tempoh 30 hari secara peruma. Mereka meminta Sodexo meletakkan sedikit wang ke dalam kad untuk mereka cuba. Patutkah anda membenarkan beliau mencuba kad ini?**

Tidak, ini sama seperti membekalkan sesuatu bernilai kepada pekerja awam yang boleh dilihat sebagai rasuah. Ujian kad mungkin boleh diaturkan tanpa menggunakan sebarang dana Sodexo, sekiranya sebarang undang-undang pemerolehan awam dipatuhi.

**Sodexo mendapat peluang yang sangat menguntungkan untuk menawarkan perkhidmatan pengurusan kem di sebuah lombong kuprum, jika operasi perlombongan berkembang dengan mencukupi. Sebelum lombong boleh berkembang, ia perlu mendapatkan kenyataan impak persekitaran daripada kerajaan tempatan. Anda dihampiri oleh seorang perunding tempatan yang mendakwa dia 'tahu bagaimana menjayakan sesuatu di kawasan ini' dan boleh membuat keperluan ini diketepikan. Patutkah dia diupah?**

Bergantung. Tawaran perunding tempatan ini agak menimbulkan kesangsian dan mencurigakan. Kenyataan di mana 'dia tahu bagaimana ia dilakukan' adalah petunjuk bahawa mungkin ada masalah memandangkan dia mungkin menggunakan sebahagian daripada bayaran daripada Sodexo untuk merasuah untuk mendapatkan keperluan ini diketepikan. Anda patut menyiasat reputasi dan kelayakan perunding ini dengan menyeluruh. Hubungi pasukan perundangan untuk membantu anda dalam proses pemeriksaan. Jika maklumat tentangnya, termasuk rujukannya, menunjukkan yang dia adalah profesional yang sangat disegani yang mendekati tugas begini dalam cara yang jujur dan beretika, jawapannya mungkin 'ya' (jika perkhidmatannya dianggap mematuhi kontrak bertulis dan didokumentasi dengan betul). Jika, sebaliknya, dia tiada rujukan, tiada pekerja dan hanya bercakap tentang 'hubungannya', atau jika rujukannya menunjukkan dia tidak sentiasa mengikut amalan integriti perniagaan, jawapannya adalah 'tidak'.

**Perunding dalam kawasan baru untuk Sodexo telah memaklumkan anda yang dia dapat menjamin peningkatan pendapatan dalam kontrak baru Sodexo. Anda hanya perlu mengupah dia dan membayarnya sejumlah bayaran besar dari awal. Patutkah anda melakukannya?**

Tidak. Permintaan untuk pembayaran perkhidmatan perunding dalam tunai adalah sesuatu yang melanggar polisi Sodexo. Tambahan, 'jaminan' adalah isyarat, kerana ia mencadangkan hubungan dengan pekerja yang membuat keputusan tentulah tidak sepatutnya berlaku. Permintaan untuk sejumlah wang besar dari awal juga adalah petanda, memandangkan ia mungkin bermaksud perunding mahu menggunakan sebahagian daripada bayaran Sodexo untuk merasuah pembuat keputusan. Dan akhir sekali, negara di mana perundi beroperasi perlu dianalisa untuk menentukan jika ia ada reputasi berkenaan korupsi. Namun begitu, terdapat situasi di mana mengupah perunding sesuai untuk memberikan Sodexo hubungan tempatan. Kontrak dengan perunding mesti dikaji semula dengan teliti dan mesti mengandungi peruntukan direka untuk memastikan perunding akan mematuhi polisi dan standard etika Sodexo. Perunding yang digunakan untuk mendapatkan perniagaan juga mesti diperiksa latar belakangnya dengan teliti terlebih dahulu untuk memastikan yang kita tidak berurusan dengan sesiapa yang memiliki sejarah rasuah.







# PERSAINGAN ADIL DAN TERBUKA

## KAMI AKAN BERSAING DENGAN ADIL, TERBUKA DAN MENGIKUT UNDANG-UNDANG

Sistem perusahaan bebas di seluruh dunia adalah berdasarkan persaingan adil dan mengikut undang-undang.

Sebagai peneraju global, Sodexo akan berusaha mengendalikan dan membangunkan perniagaan kami secara menguntungkan melalui kebijaksanaan, inovasi, kerja keras dan terus berusaha untuk meningkatkan kualiti hidup klien, pelanggan dan pekerja kami.

Kami akan membuat keputusan pemilihan dan pembelian secara objektif, berdasarkan harga, penghantaran, kualiti dan faktor-faktor lain, dan kami mengharapkan klien-klien dan pembekal-pembekal kami akan melakukan perkara yang sama.

Kami akan menentukan letak harga dan urusniaga kewangan kami sendiri secara bebas dan tidak akan membuat perjanjian dengan pesaing untuk memecahkan pasaran atau klien.

Kami akan mematuhi undang-undang anti-monopoli yang melarang pesaing daripada bersetuju untuk mengawal harga, mengawal bidaan dan memperuntukkan pasaran, geografi atau klien.

Kami tidak akan memberikan gambaran yang salah berkenaan perniagaan pesaing kami atau mendapatkan atau mencari rahsia perniagaan atau maklumat sulit pesaing melalui kecurian atau cara-cara melibatkan penipuan.

15



### Apakah yang anda boleh jangkakan:

- Sodexo memenangi perniagaan dengan memberikan perkhidmatan secara berkesan, boleh dipercayai dan pada harga yang memberikan nilai kepada klien kami.
- Sodexo berusaha mengenalpasti pembekal-pembekal yang menjalankan perniagaan dengan standard etika konsisten dengan etika kami sendiri.
- Sodexo bersaing dan berunding dengan adil dan beretika untuk semua peluang perniagaan.
- Sodexo akan bersikap terbuka dan telus dengan pelanggan-pelanggan berkenaan aturan kerjasama perniagaan relevan kami.
- Apabila kontrak diberikan kepada Sodexo, kami akan melakukan semua yang kami mampu untuk memenuhi semua spesifikasi kontrak dan mematuhi terma dan syarat berkaitan.

### Apakah yang kami harapkan daripada anda:

- Sentiasa bersaing mengikut merit jenama Sodexo dan elakkan memperkecilkan pesaing, memberikan gambaran yang salah ke atas sebarang aspek produk atau perkhidmatan Sodexo, mendapatkan (atau menerima) maklumat tentang pesaing-pesaing Sodexo melalui kecurian, perisikan industri, pasang telinga elektronik atau rasuah, atau menggunakan maklumat pesaing yang anda percaya mungkin tidak didapatkan dengan cara yang betul.
- Jangan bercakap dengan pesaing berkenaan harga atau terma, memecahkan pasaran atau geografi, menguntukkan klien atau bidaan.
- Sentiasa berhati-hati di mesyuarat persatuan perdagangan.



#### PRACTICAL ILLUSTRATIONS:

**Anda adalah pengurus untuk perniagaan Perkhidmatan Faedah & Ganjaran Sodexo, dan pasukan anda telah mempertimbangkan pelancaran, di kawasan baru, satu produk kad pintar baru untuk pentadbiran khidmat sosial negara. Ketika minum-minum dengan eksekutif salah satu pesaing, beliau menyebut yang syarikat beliau sedang mempertimbangkan memasarkan produk yang sama kepada kerajaan, selain sejumlah hospital besar tempatan. Beliau kemudian mencadangkan yang mungkin anda berdua boleh mendapat manfaat jika syarikat beliau tidak memasarkan produk mereka kepada kerajaan, dengan syarat yang Sodexo bersetuju tidak memasarkan produk kad pintar ke hospital pada masa hadapan. Dengan ini, beliau mencadangkan, kedua-dua syarikat dapat berjaya dalam pasaran ini. Apakah anda akan lakukan?**

Membahagikan klien atau pasaran (atau membincangkan topik ini sahaja) dengan pesaing adalah melanggar polisi Sodexo dan adalah melanggar banyak undang-undang. Sodexo mengalu-alikan persaingan berdasarkan merit perkhidmatan kami. Cadangan beliau adalah tidak beretika dan melanggar undang-undang, dan adalah perniagaan yang buruk. Ini adalah isu yang jelas: anda patut menamatkan perbualan dengan sopan dengan mengatakan yang Sodexo tidak berminat dan tidak menjalankan perniagaan dengan cara ini.

**Seorang wakil syarikat perkhidmatan makanan memanggil anda dan mencadangkan bertemu untuk berbincang tentang bagaimana membahagikan klien-klien dalam satu negara EU untuk perkhidmatan yang kedua-dua syarikat beliau dan Sodexo tawarkan. Beliau mencadangkan yang ia mungkin menjadi masalah jika anda bertemu dalam negara EU, jadi beliau mencadangkan bertemu di luar EU. Patutkah anda pergi?**

Tidak. Kita tidak mengongsi atau membahagi pasaran atau klien dengan pesaing kita - ia adalah salah dan melanggar undang-undang - dan anda tidak patu bercakap langsung dengan pesaing berkenaan membahagi atau mengongsi pasaran. Tidak penting yang pertemuan ini berlaku di luar negara EU. Prinsip kita digunakan di mana-mana di dunia. Tidak mengira di mana pertemuan diadakan.

**Anda adalah jurujual dalam pertemuan pra-bidaan dengan calon klien hospital yang mahu menyumber luar perkhidmatan pengurusan kemudahan berintegrasi, dan anda tahu yang syarikat ini bimbang tentang penyakit berjangkit. Anda baru-baru ini membaca artikel berkenaan tercetusnya wabak e-coli di akaun dikendalikan oleh salah satu pesaing Sodexo - tetapi anda juga tahu yang pesaing tidak ada kaitan dengan wabak itu. Patutkah anda menyebut tentang wabak ini untuk memenangi perniagaan?**

Tidak. Memandangkan anda tahu pesaing tidak ada kaitan dengan wabak ini, anda akan mengelirukan klien dan meremehkan pesaing secara tidak adil jika anda menyebutnya. Ini bukanlah cara Sodexo memenangi perniagaan.

**Seorang pesaing memanggil untuk berbincang berkenaan bekerjasama untuk bidaan bersama dan bersetuju untuk tidak membida klien secara syarikat-syarikat individu. Bolehkah kita melakukannya?**

Secara umumnya, ini melanggar undang-undang. Terdapat beberapa keadaan terhad dan istimewa di mana ia adalah mungkin, tetapi anda perlu mengkaji situasi khusus dengan pasukan perundangan dan penyelia anda.





# MEMBUAT KEPUTUSAN BERETIKA, SETIAP KALI

## KAMI AKAN MEMBUAT KEPUTUSAN PERNIAGAAN BEBAS DARIPADA KONFLIK KEPENTINGAN

Semua keputusan perniagaan mesti dibuat secara objektif, berdasarkan apa yang terbaik untuk perniagaan, bukan berdasarkan sebarang faedah atau kelebihan peribadi pekerja individu. Ini bermaksud bahawa pekerja-pekerja Sodexo mesti mengenalpasti apabila mereka atau orang lain mungkin mempunyai konflik kepentingan sebenar atau berpotensi dan mengambil langkah untuk menangannya.

Apabila seseorang pekerja dalam kedudukan untuk mempengaruhi keputusan Sodexo sehingga ia mungkin mengakibatkan kepentingan peribadi untuk pekerja, saudara-mara atau kenalan rapat, pekerja menghadapi konflik kepentingan. Pekerja mesti mendedahkan situasi ini, yang mana mungkin memerlukan langkah-langkah untuk menghentikan pengaruh pekerja ke atas keputusan itu. Oleh itu, pekerja pengurusan tidak patut bekerja untuk pesaing Sodexo. Pekerja-pekerja juga tidak patut membuat atau mencari perniagaan untuk membekal, berusahasama, atau membekalkan perkhidmatan kepada Sodexo sementara masih bekerja untuk Sodexo.

### Apakah yang boleh anda jangkakan

- Sodexo akan membuat keputusan secara objektif dan untuk kepentingan perniagaan.
- Sodexo akan memberikan pekerja latihan dan bimbingan berkenaan apa yang membuat konflik kepentingan.



### Apakah yang diharapkan daripada anda:

- Sentiasa menasihati penyelia anda berkenaan konflik kepentingan, termasuk sebarang hubungan atau pelaburan perniagaan luaran yang berkaitan, dengan saudara-mara terdekat anda.
- Jangan sekali-kali membuat keputusan perniagaan berdasarkan kepentingan peribadi anda.
- Sentiasa mempertimbangkan bagaimana kepentingan peribadi anda mungkin dilihat oleh rakan sekerja dan pihak berkepentingan Sodexo.
- Sentiasa ikut standard Sodexo untuk hubungan perniagaan luar.
- Dapatkan kebenaran sebelum memasuki hubungan perniagaan luar dengan pembekal atau klien sedia ada atau akan datang.
- Jangan memberikan kemahiran atau perkhidmatan kepada pesaing atau membantu mencipta atau membantu entiti-entiti yang bersaing dengan Sodexo.
- Jangan terima pekerjaan dengan atau memberikan perkhidmatan luar kepada Sodexo yang mana anda bertanggungjawab menyelia kepada organisasi yang ada hubungan dengan anda, secara langsung atau tidak langsung.
- Jangan bertanggungjawab terhadap perniagaan Sodexo yang berkaitan dengan saudara-mara terdekat, atau mengupah saudara-mara terdekat dalam hubungan penyelia-orang bawahan.
- Jangan melabur dalam pesaing, atau sebarang perniagaan di mana anda bertanggungjawab untuk perniagaan Sodexo dengan syarikat itu.
- Jangan sesekali terima hadiah atau hiburan yang tidak sepatutnya.

**ILUSTRASI PRAKTIKAL:**

**Anda perlukan bantuan catering tambahan untuk satu projek Sodexo. Adik anda mempunyai pengalaman catering, dan boleh bekerja dengan serta-merta, sangat berkemahiran dan boleh dibayar pada kadar biasa dan tiada siapa tahu anda ada pertalian darah kerana dia sudah berkahwin dan mempunyai nama akhir berbeza. Bolehkah anda mengupah adik anda?**

Tidak. Pekerja tidak sepatutnya mengupah saudara-mara terdekat dalam hubungan penyelia-bawahan terus (atau menyelia mereka sebagai perunding luaran) tidak kira sama ada hubungan ini diketahui atau mudah dilihat. Jika anda percaya adik anda adalah calon yang paling berkelayakan, anda patut membincangkannya dengan penyelia anda. Dalam keadaan tertentu, jika pengurus Sodexo lain menyelia acara ini, atau membuat keputusan mengupah adik anda, dan hubungan ini diumumkan dengan jelas, ia adalah mungkin.

**Anda adalah pengurus perkhidmatan makanan di sebuah kafeteria universiti. Anda mempertimbangkan menjadi pemilik bersama restoran yang berhampiran universiti dan kerap dikunjungi pelajar-pelajar universiti. Bolehkah anda membuat pelaburan ini?**

Tidak. Restoran ini adalah pesaing kafeteria universiti dan anda tidak sepatutnya melabur dalam pesaing. Konflik kepentingan boleh timbul, contohnya, jika anda terdorong untuk mengabaikan perkhidmatan buruk di kafeteria yang membawa lebih banyak pelajar makan di restoran anda.


**Abang ipar anda baru-baru ini membeli ladang lembu susu yang membekalkan susu dan mentega kepada pusat persaraan dibekalkan oleh Sodexo di mana anda adalah pengurus dalam bahagian kewangan. Walaupun anda tidak membuat keputusan pembelian secara langsung, dengan mengawasi perbelanjaan pusat ini anda mempunyai sedikit pengaruh ke atas keputusan itu. Patutkah anda memaklumkan kepada penyelia?**

Ya. Pemilihan ladang lembu susu oleh abang ipar anda patut didedahkan kepada pengurus anda. Anda tidak patut bertanggungjawab ke atas urusan perniagaan Sodexo dengan mana-mana saudara-mara terdekat. Walaupun anda tidak membuat keputusan pembelian secara langsung, tanggungjawab anda mengawasi perbelanjaan boleh menyebabkan tekanan konflik. Sebagai contoh, anda mungkin terdorong untuk mengabaikan pembayaran kepada ladang susu yang lebih tinggi daripada pembekal-pembekal lain. Jika abang ipar anda adalah pembekal paling berkelayakan, pekerja Sodexo lain patut bertanggungjawab menyemak pembayaran kepadanya.

**Sebagai pengurus serantau, anda telah diminta memilih ahli gabungan tempatan untuk satu program Perkhidmatan Faedah & Ganjaran Sodexo. Anda mempunyai 25% pelaburan dalam salah satu daripada perniagaan ahli gabungan yang berpotensi, pembekal perkhidmatan cucian kering.**

Apabila memilih pembekal atau ahli gabungan anda mesti memastikan yang anda membuat keputusan berdasarkan pertimbangan perniagaan sahaja dan bukan atas kepentingan peribadi. Sodexo mungkin mahu menjadi ahli gabungan dengan sejumlah kecil pembekal cucian kering di kawasan ini, di mana syarikat anda akan bersaing dengan syarikat-syarikat lain. Walaupun Sodexo menawarkan ahli gabungan kepada setiap pembekal cucian kering tempatan di kawasan ini, ia mungkin perlu tawar-menawar dengan syarikat-syarikat lain berkenaan terma kontrak. Atas sebab ini, kepentingan milik anda dalam cucian kering menyebabkan konflik kepentingan yang jelas, dan anda mesti memaklumkan penyelia anda berkenaan konflik ini dan menjauhkan diri anda bukan sahaja dalam proses menilai dan berunding dengan syarikat anda, malah daripada proses menilai dan berunding dengan semua ahli gabungan (dalam kes ini, pembekal cucian kering).





# MENGGUNAKAN DAN MELINDUNGI ASET SODEXO

**PEKERJA-PEKERJA KAMI AKAN MENGGUNAKAN DAN MELINDUNGI ASET-ASET SODEXO TERMASUK MAKLUMAT PROPRIETARI DAN PEMILIKAN-PEMILIKAN LAIN YANG TIDAK KETARA UNTUK FAEDAH SODEXO DAN TIDAK AKAN MENGGUNAKAN PEMILIKAN SODEXO ATAU MAKLUMAT DALAMAN UNTUK KEPENTINGAN PERSENDIRIAN**

Pekerja Sodexo mesti bekerja secara profesional dan secara jujur untuk mengembangkan kepentingan perniagaan Sodexo. Mereka mesti menggunakan aset-aset Sodexo, termasuk maklumat perniagaan proprietari dan lain-lain aset yang tidak ketara, dengan betul dan menurut kebenaran pengurusan, dan tidak menyalahgunakan atau membazirkan aset-aset Sodexo. Semua pekerja mempunyai tanggungjawab melindungi maklumat sulit Sodexo, klien, pembekal, dan pekerjanya, walaupun selepas mereka meninggalkan Sodexo. Tambahan lagi, mereka tidak boleh menggunakan pemilikan atau maklumat Sodexo untuk kepentingan peribadi, atau untuk kepentingan saudara-mara, rakan-rakan atau kenalan.

Pekerja tidak boleh menggunakan maklumat orang dalam seperti maklumat bukan awam berkenaan keputusan kewangan, penggabungan atau pemerolehan, penerimaan kontrak besar atau pelan strategik untuk berdagang sekuriti Sodexo atau memberikannya kepada pihak ketiga untuk tujuan tersebut.



**Apakah yang boleh anda jangkakan:**

- Sodexo melarang penggunaan maklumat orang dalam untuk perdagangan orang dalam. Ia melanggar undang-undang dan Sodexo akan mendakwa sesiapa yang didapati melakukannya.
- Sodexo akan melindungi maklumat sulit dan maklumat berkenaan klien, pembekal dan rakan kongsi kami.
- Sodexo akan memberi pekerja dengan latihan dan bimbingan berkenaan apa yang dikira sebagai perdagangan orang dalam, serta bagaimana melindungi maklumat sulit dan aset-aset syarikat yang lain.

**Apakah yang diharapkan daripada anda:**

- Jangan sesekali menggunakan maklumat sulit atau 'orang dalam' maklumat yang diperoleh melalui pekerjaan anda untuk keuntungan peribadi
- Jangan sesekali membeli atau menjual sekuriti berdasarkan maklumat orang dalam atau mendedahkan maklumat orang dalam kepada sesiapa di luar Sodexo, termasuk ahli keluarga.
- Jangan sesekali membeli atau menjual sekuriti syarikat (termasuk Sodexo) jika anda mempunyai maklumat dalaman tentang syarikat itu.
- Sentiasa ikuti peraturan-peraturan Sodexo untuk melindungi maklumat sulit.
- Hanya kongsi maklumat sulit (tetapi bukan maklumat kewangan bukan awam) dengan organisasi-organisasi lain apabila terdapat perjanjian kerahsiaan yang diluluskan atau tanpa pendedahan
- Sentiasa lindungi maklumat sulit yang dikongsi dengan kita oleh pihak lain seperti anda melindungi maklumat Sodexo.
- Jangan sesekali menggunakan sebarang teknologi, komunikasi, peralatan atau kemudahan Sodexo untuk tujuan peribadi tanpa kebenaran pengurus anda.
- Jangan sesekali menggunakan harta klien untuk tujuan anda sendiri.
- Jangan sesekali membelanjakan wang Sodexo atau membuat komitmen selain untuk tujuan perniagaan sah Sodexo.
- Sentiasa lindungi pemilikan tidak ketara Sodexo, termasuk rahsia dagangan dan masa syarikat.
- Sentiasa gunakan masa anda di tempat kerja untuk perniagaan Sodexo dan bukan untuk aktiviti-aktiviti peribadi yang tidak munasabah.
- Jangan sesekali mengambil sebarang peluang perniagaan yang anda dapat daripada kerja anda untuk anda sendiri.
- Jangan sesekali mengkompromi aset atau jenama intelektual Sodexo dengan mendedahkan maklumat sulit, termasuk penyelidikan dan pembangunan dan strategi, kos, harga, jualan, keuntungan, pasaran, pelanggan dan kaedah-kaedah melakukan perniagaan.

**ILUSTRASI PRAKTIKAL:**

**Anda adalah seorang pekerja Sodexo yang bekerja di universiti perkhidmatan pengurusan kemudahan bersepadu operasi dan anda ingin meminjam traktor rumput satu hujung minggu untuk melakukan pertolongan bagi jiran tua yang halamannya telah ditumbuhi rumput tidak terkawal. Oleh kerana universiti ditutup, traktor rumput tidak akan digunakan dan klien tidak akan tahu anda meminjamnya. Adakah ini boleh diterima?**

Tidak. Semasa menggunakan traktor rumput mungkin tidak memberi kesan negatif kepada operasi di universiti, ia mengakibatkan kerosakan serta menimbulkan isu liabiliti dan insurans. Pekerja Sodexo tidak boleh menggunakan harta pelanggan untuk tujuan mereka sendiri.

**Anda menyedari bahawa mewujudkan pakatan dengan organisasi lain adalah penting untuk pertumbuhan dan perkembangan Sodexo. Untuk mengukuhkan lagi hubungan dengan satu organisasi, anda menjemput presiden organisasi itu untuk menyertai mesyuarat kawasan anda. Pada mesyuarat tersebut, anda biasanya akan membincangkan keputusan kewangan bukan awam unit perniagaan anda yang terkini. Bolehkah anda membincangkan perkara ini di hadapan presiden yang berkunjung?**

Tidak. Maklumat kewangan bukan awam tidak boleh dikongsi dengan sesiapa di luar Sodexo, bahkan dengan siapa kita telah mewujudkan hubungan istimewa. Ingat bahawa maklumat sulit tidak boleh dikongsi walaupun dalam Sodexo dengan mereka yang tidak mempunyai keperluan untuk mengetahui.

**Pada perhimpunan keluarga, bapa saudara anda memberitahu anda bahawa dia sedang mempertimbangkan untuk membeli saham dalam konglomerat pertanian serantau. Anda tahu bahawa Sodexo tidak berpuas hati dengan perkhidmatan syarikat itu dan hampir pasti akan menamatkan kontrak apabila ia tamat dalam beberapa bulan. Bolehkah anda memberitahu bapa saudara anda ini?**

Tidak. Walaupun ia mungkin sukar, anda tidak boleh menasihati bapa saudara anda berdasarkan maklumat sulit, maklumat dalaman. Anda tidak boleh mengulas mengenai pelaburan dan, jika dia meminta nasihat, anda harus memberitahunya bahawa firma pertanian menjalankan perniagaan dengan Sodexo dan memberitahu bahawa anda tidak sesuai untuk mengulas di bawah prinsip-prinsip integriti perniagaan kita.



# DATA KEWANGAN YANG ANDA BOLEH HARAPKAN

**KAMI AKAN MENGEKALKAN REKOD PERNIAGAAN YANG TEPAT DAN BOLEH DIHARAP DAN MEMBERIKAN KENYATAAN KEWANGAN YANG BETUL DAN ADIL**

Semua pekerja mesti menyimpan buku, dan perakaunan yang betul dan tepat serta rekod-rekod lain yang memberikan butiran yang betul dan adil berkenaan kedudukan kewangan, keputusan operasi, urusniaga, aset dan liabiliti Sodexo. Semua rekod perniagaan perlu disimpan mengikut kawalan dalaman dan prosedur perakaunan Sodexo sendiri. Pekerja tidak boleh membuat kemasukan palsu atau tiruan ke dalam buku dan rekod Sodexo untuk apa saja sebab pada bila-bila masa.

Sodexo akan mematuhi undang-undang anti-pengubahan wang haram berkenaan dan mengambil langkah sewajarnya untuk mengelak dan mengesan penyembunyian dana haram.

Pekerja Sodexo tidak boleh melakukan apa-apa yang menjejaskan integriti penyata kewangan Kumpulan, atau gandingan, memanipulasi atau mengelirukan juruaudit luaran dan dalaman berkenaan buku dan rekod Kumpulan.

21



#### Apakah yang anda boleh jangkakan:

- Sodexo akan melaporkan dan merekod maklumat kewangan dengan tepat, jujur dan telus.
- Sodexo mempunyai kawalan untuk memastikan semua rekod kewangan adalah betul dan menepati keperluan komersial, undang-undang dan kawal selia.
- Sodexo akan memberikan latihan dan bimbingan kepada pekerja yang bertanggungjawab menjaga dan menyimpan rekod kewangan.

#### Apakah yang diharapkan daripada anda:

- Sentiasa rekod urusniaga dengan tepat dan mengekalkan rekod kewangan mengikut polisi Sodexo dan standard perakaunan relevan.
- Sentiasa maklumkan pengurus jika anda tidak pasti tentang ketepatan sebarang kemasukan atau proses kewangan atau jika anda percaya anda diminta membuat kemasukan, data atau laporan palsu atau mengelirukan.
- Jangan sesekali menggalakkan atau memaksa orang lain untuk melanggar atau mengkompromi dengan integriti rekod Sodexo.
- Jangan sesekali membuat kemasukan palsu atau mengelirukan dalam sebarang laporan, rekod, atau tuntutan perbelanjaan, sama ada kewangan atau bukan kewangan.
- Sentiasa pastikan yang urusniaga disahkan dan didokumenkan dengan betul.
- Jangan membuat sebarang pembayaran (atau melupakan aset Sodexo) untuk sebarang tujuan selain tujuan direkodkan dalam buku dan rekod Sodexo.
- Sentiasa pastikan, sehingga sejauh tanggungjawab anda, yang kawalan dalaman betul wujud untuk memastikan yang pelaporan dalaman dan luaran mematuhi standard Sodexo.
- Sentiasa bekerjasama dengan juruaudit dalaman dan luaran.

**ILUSTRASI PRAKTIKAL:**

**Anda adalah pengurus unit untuk satu akaun pengurusan kemudahan berintegrasi. Wakil klien datang kepada anda mengatakan perbelanjaan beliau di bawah belanjawan untuk tahun kewangan beliau, yang akan berakhir bulan hadapan. Untuk memastikan perbelanjaan beliau selaras dengan ramalan beliau, beliau meminta anda menambah sedikit perbelanjaan kepada belanjawan beliau secara sementara, yang kemudiannya boleh di terbalikkan pada tempoh akaun berikutnya dalam tahun kewangan seterusnya. Memandangkan ia hanya sementara dan mungkin dihargai oleh klien, bolehkan anda melakukannya?**

Tidak. Anda tidak patut membuat kemasukan palsu ke dalam mana-mana rekod - walaupun secara sementara. Sama seperti anda tidak akan menyalah isi rekod kewangan Sodexo, anda tidak patut membantu klien menyalah isi keputusan kewangan mereka.

standard yang sama digunakan untuk data bukan kewangan, seperti rekod kualiti, keselamatan dan pekerja. Anda patut sentiasa mempunyai asas munasabah untuk kemasukan yang anda buat dalam rekod Sodexo, dan anda tidak patut sekali-kali membuat kemasukan yang palsu atau mengelirukan dalam rekod bukan kewangan, sama seperti anda tidak akan membuat kemasukan tersebut ke dalam rekod kewangan.

**Sentiasa pastikan yang urusan disahkan dan didokumenkan dengan betul.**

Sodexo telah melaksanakan satu sistem kawalan dalaman direka untuk memastikan urusan dan akses kepada aset disahkan dengan betul, di mana urusan direkodkan mengikut polisi-polisi perakaunan dan kewangan, di mana terdapat kebertanggungjawapan untuk aset-aset, dan aset-aset direkodkan dibandingkan dengan kepada aset-aset sedia ada pada selang masa yang sesuai. Anda tidak patut cuba memintas kawalan dalaman Sodexo - melakukannya adalah pelanggaran polisi dan terdapat akibat undang-undang yang serius.

**Jangan sesekali membuat pembayaran (atau melupuskan aset Sodexo) untuk sebarang tujuan selain tujuan direkodkan dalam buku dan rekod Sodexo.**

Anda tidak patut membuat pembayaran yang tidak disahkan dan didokumenkan dengan betul. Ini juga bermaksud jangan sesekali membuat pembayaran untuk tujuan berbeza daripada pembayaran yang dibenarkan atau direkodkan.

**Sentiasa pastikan, sejauh mana anda bertanggungjawab, bahawa kawalan dalaman yang betul disediakan untuk memastikan yang pelaporan dalaman dan luaran mematuhi standard Sodexo.**

**Anda bertanggungjawab ke atas laporan kewangan untuk unit perniagaan anda. Perbelanjaan pemindahan berlaku dalam tempoh semasa. Anda tidak menyedari perbelanjaan ini dan perbelanjaan ini tiada dalam ramalan anda yang sebelumnya. Memandangkan perbelanjaan ini adalah perbelanjaan sekali sahaja dan agak minima anda diminta menagguhkannya ke tempoh seterusnya. Apakah yang anda lakukan?**

menangguhkan perbelanjaan pemindahan adalah tidak beretika dan pelanggaran polisi. standard perakaunan memerlukan laporan anda tepat dan mengikut masa. Sama ada penangguhan ini berlaku sekali sahaja bukan isunya. Semua perbelanjaan mesti dikenalpasi dalam tempoh ia berlaku.

Mereka yang bertanggungjawab ke atas ketepatan laporan kewangan mempunyai tanggungjawab khas untuk memastikan bahawa kawalan dalaman yang betul wujud untuk memastikan yang laporan dalaman dan luaran mematuhi polisi. Inilah sebabnya Sodexo telah menerima pakai Tatakelakuan Untuk Pengurus Kanan.

**Sentiasa bekerjasama dengan juruaudit dalaman dan luaran.**

**Baru-baru ini anda dinaikkan pangkat kepada pengurus daerah. Sebagai pengurus daerah, anda mempunyai perjalanan perniagaan yang kerap dan perbelanjaan perniagaan berkaitan. Namun begitu, sebelum anda dapat diberikan nombor akaun untuk perbelanjaan anda, anda diminta pergi ke salah satu akaun baru. Salah satu daripada unit di mana anda bertanggungjawab kini membuat wang dan melebihi belanjawan, jadi anda diminta mengecaj perbelanjaan ini kepada akaun ini. Bolehkan anda melakukannya?**

Memandangkan laporan tidak tepat atau salah memberi kesan kepada kenyataan kewangan Sodexo dan sebarang kenyataan kewangan yang disengajakan adalah salah, menempah perbelanjaan anda seperti ini adalah tidak beretika.







# MELAYAN PEKERJA DENGAN ADIL DAN HORMAT

**KAMI AKAN MELAYAN SEMUA PEKERJA KAMI DENGAN ADIL DAN HORMAT DAN MEMBERIKAN TEMPAT KERJA YANG BEBAS DARIPADA GANGGUAN DAN DISKRIMINASI**

Selaras dengan Kenyataan Hormat Bagi Hak Asasi Manusia, komitmen kami kepada Integriti Perniagaan termasuk melayan pekerja-pekerja kami dengan kejujuran, keadilan, kehormatan dan bermaruah.

Sodexo akan menyediakan tempat kerja yang selamat dan sejahtera. Keadaan kerja perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan secara paling minima dan tertakluk kepada program kesihatan dan keselamatan tempat kerja Sodexo.

Kami mengharapkan semua pekerja kami melayan antara satu sama lain dengan sopan-santun dan rasa hormat. Kami tidak akan membenarkan keganasan di tempat kerja atau sebarang bentuk gangguan, penderaan, ugutan atau buli secara lisan, emosi, psikologi, seksual, fizikal atau sebarang bentuk gangguan, penyalahgunaan, ugutan, atau buli. Kami melarang diskriminasi ke atas pekerja dalam pengambilan pekerja, kenaikan pangkat, gaji, penilaian prestasi atau sebarang terma atau syarat kerja lain, dari segi bangsa, warna, negara asal, jantina, identiti jantina, orientasi seksual, agama atau ketidakupayaan, atau sebarang polisi lain yang dilarang oleh undang-undang dan peraturan-peraturan berkenaan. Kami tidak akan membenarkan penggunaan tenaga kerja yang dilindungi, hamba, buruh terikat atau tenaga buruh paksa lain. Tiada siapa bawah umur 15 tahun, atau umur pekerjaan sah di negara atau kawasan tempatan, yang mana lebih tinggi, dibenarkan bekerja untuk Sodexo. Kami tidak akan menggaji pekerja bawah umur dan tiada orang bawah umur boleh digaji untuk melakukan tugas merbahaya, dan sebarang penggajian orang bawah umur adalah tertakluk kepada batasan perundangan berkenaan masa bekerja, gaji, keadaan kerja dan pendidikan minima.

Kami menghormati hak pekerja kami untuk menentukan sama ada mahu diwakili oleh kesatuan sekerja dan untuk tawar-menawar secara kumpulan. Kami tidak akan mendiskriminasi atau membuat bertindak balas terhadap mana-mana pekerja atau wakil pekerja disebabkan gabungan dengan, sokongan untuk, atau penentangan terhadap sebarang kesatuan.

Kami akan membayar pekerja upah dan faedah mengikut undang-undang pada masa yang tepat untuk semua masa mereka bekerja. Pasukan kami akan mematuhi semua undang-undang dan peraturan-peraturan berkenaan masa bekerja untuk pekerja, termasuk had masa maksima dan keperluan untuk masa rehat. Kerja lebih masa mungkin diperlukan hanya setakat dibenarkan undang-undang berdasarkan sifat kerja tersebut.





# KAMI HORMATI DAN LINDUNGI PRIVASI

**KAMI AKAN MENGHORMATI DAN MELINDUNGI PRIVASI DAN MAKLUMAT SULIT PIHAK BERKEPENTINGAN KAMI**

Sodexo komited dalam menghormati kerahsiaan maklumat peribadi semua pihak berkepentingannya, termasuk pekerja, pekerja, benefisiari, pengguna dan rakan kerjasama. Kami akan mengekalkan polisi dan proses bertujuan memastikan pematuhan dengan semua undang-undang privasi dan perlindungan data yang berkaitan.

Kami melindungi privasi dan kerahsiaan pemohon pekerjaan, pekerja, klien, pengguna, kenalan perniagaan, pemegang saham dan sebarang maklumat peribadi pihak ketiga dengan tidak mendedahkan maklumat tersebut kepada sesiapa, secara dalaman atau luaran, selain mereka yang mempunyai keperluan perniagaan untuk maklumat tersebut dan di mana kami dibenarkan melakukan begitu mengikut undang-undang.



24

## Apakah yang anda boleh jangkakan:

- Sodexo mematuhi Peraturan, Polisi, Prosedur dan Kod Amalan Korporat Perlindungan Data Sodexo, selaras dengan Rangka Kerja Perlindungan Data Eropah, sebarang privasi, perlindungan data dan undang-undang keselamatan data yang berkenaan dan Polisi Maklumat & Keselamatan Kumpulan Sodexo; dan kami memantau pematuhan di atas.
- Sodexo memastikan pematuhan undang-undang, keadilan dan ketelusan.
- Sodexo memproses data peribadi untuk tujuan yang diketahui, relevan dan mengikut undang-undang sahaja.
- Sodexo memastikan yang sebarang data peribadi yang kami proses adalah mencukupi, relevan dan terhad kepada apa yang perlu untuk tujuan asal ia dikumpul dan diproses.
- Untuk memudahkan pemindahan data dalam Kumpulan, Sodexo mempunyai satu set 'Peraturan Korporat Terikat', yang mengendalikan pemindahan data dari anak syarikat Eropah ke anak syarikat Kumpulan lain.
- Sodexo menyimpan data peribadi yang diproses dengan tepat dan, yang mana perlu, dikemaskini.
- Sodexo menyimpan data peribadi hanya selagi perlu.
- Sodexo memastikan mana-mana sub-kontraktor, dalaman atau luaran, untuk sebarang entiti Sodexo yang bertindak untuk pihak kami menggunakan langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang patut.
- Sodexo melaporkan sebarang pelanggaran data peribadi kepada pihak pengawal seliaan relevan dan/atau pihak terlibat.
- Sodexo memproses data peribadi sensitif hanya jika ia benar-benar perlu untuk mencapai tujuan pemroses dan jika ada alasan undang-undang untuk berbuat demikian
- Sodexo menyimpan rekod pemrosesan data berkenaan aktiviti-aktiviti pemrosesannya.
- Sodexo menerima sebarang permintaan dibuat oleh subjek data berkenaan data peribadi mereka.
- Sodexo tidak melakukan sebarang penilaian atau yang boleh menjejaskan mereka dengan ketara, semata-mata berdasarkan sepenuhnya ke atas pemrosesan automatik data peribadi mereka, melainkan dalam kes-kes terhad tertentu dan dengan pelaksanaan perlindungan sesuai.
- Sodexo memberikan individu-individu notis maklumat dan polisi perlindungan data komprehensif yang sesuai sebelum pengumpulan dan pemrosesan data peribadi mereka mematuhi Rangka Kerja Perlindungan Data Undang-undang Eropah dan sebarang undang-undang perlindungan data tempatan berkenaan.
- Sodexo tidak memindahkan data peribadi kepada pihak ketiga di luar EU/EEA tanpa memastikan perlindungan yang mencukupi untuk pemindahan data peribadi.



- Sodexo menggunakan privasi mengikut reka bentuk untuk setiap projek digital baru atau peluang perniagaan baru melibatkan pemrosesan data peribadi mematuhi prosedur dan privasi Penilaian Impak Perlindungan Data Global secara lalai dengan melatih pekerjaanya mengendalikan data peribadi dan melaksanakan prosedur. Kami melatih semua pekerja bertanggungjawab untuk pengendalian data peribadi diproses, dengan langkah-langkah teknikal dan organisasi diwujudkan.
- Sodexo menjalankan Penilaian Impak Perlindungan Data bila-bila diperlukan.
- Sodexo memberikan latihan bersesuaian untuk pekerja yang mempunyai akses kekal atau tetap kepada data peribadi, yang terlibat dalam pengumpulan data peribadi atau dalam pembangunan alat yang digunakan untuk memproses data peribadi.

#### Apakah yang diharapkan daripada anda:

- Pastikan yang orang kita kumpulkan data dimaklumkan tentang sebarang betuk maklumat yang kita kumpulkan, bagaimana kita menggunakannya, dan bagaimana mereka boleh menghubungi kita jika mereka mempunyai sebarang soalan.
- Kumpul hanya data peribadi yang perlu. Data ini mesti digunakan dengan adil dan untuk tujuan yang jelas, khusus dan sah, dan mesti disimpan hanya selama mana perlu untuk tujuan ia diproses. Anda tidak boleh mengumpul maklumat 'sensitif' (berhubung khusus tentang keadaan kesihatan, asal etnik, orientasi seksual, pandangan politik, agama) tanpa kebenaran orang berkenaan atau hanya jika undang-undang memerlukan.
- Musnahkan atau betulkan sebarang data tidak tepat atau tidak lengkap.
- Pastikan data tersebut disimpan dengan selamat.
- Pastikan kita hanya memberikan data tersebut kepada orang yang dibenarkan, atas dasar 'perlu tahu' yang ketat.
- Pastikan yang pihak ketiga yang kita kongsi pengumpulan atau penggunaan data peribadi mematuhi prinsip-prinsip ini.

#### ILUSTRASI PRAKTIKAL:

**Anda bekerja di bahagian Sumber Manusia dan rakan sekerja anda dari pasukan pemasaran telah meminta akses kepada pangkalan data HR. Patutkah anda memberikannya akses?**

Tidak. Melainkan akses ini dengan alasan 'perlu tahu'.

**Anda mahu menerima surat berita mingguan untuk dimaklumkan berkenaan resipi baru dalam aplikasi memasak makanan Perancis kegemaran anda. Selain alamat emel anda, anda diminta memberikan tarikh lahir dan pilihan diet. Patutkah syarikat aplikasi mematuhi prinsip-prinsip perlindungan data?**

Ya. Syarikat ini meminta alamat emel dan lain-lain maklumat yang mana semuanya dianggap data peribadi jadi ia mesti mematuhi undang-undang perlindungan data berkenaan. Namun begitu, pengumpulan tarikh lahir dan pilihan diet tidak perlu untuk menghantarkan surat berita elektronik mingguan kepada anda.

**Anda berkongsi data peribadi dengan pembekal IT tetapi anda tidak tahu jika pembekal melaksanakan langkah-langkah keselamatan dan kesulitan yang sepatutnya untuk melindungi data. Patutkah anda membuat perjanjian bertulis antara pihak terlibat?**

Ya, bagi memastikan yang pembekal pihak ketiga anda mematuhi peraturan data peribadi, perjanjian bertulis patut diwujudkan.

**En. Smith mahu melancarkan aplikasi mudah alih baru untuk penjejakan kesihatan di UK, Jerman, dan Poland. Beliau memilih tidak memaklumkan pengguna-pengguna UK, Jerman dan Poland berkenaan bagaimana data dikumpul akan digunakan kerana beliau berfikir tiada siapa berminat membaca maklumat ini. Patutkah En. Smith memaklumkan pengguna-pengguna berkenaan bagaimana data mereka digunakan?**

Ya. Pengguna-pengguna berhak mengetahui maklumat peribadi apa telah dikumpul, bagaimana ia digunakan dan apakah hak-hak mereka dan bagaimana mereka boleh menggunakan hak-hak tersebut.





# TALIAN LAPOR ETIKA SODEXO

[www.speakup.sodexo.com](http://www.speakup.sodexo.com)

Talian Laporan Etika Sodexo memberikan pekerja dan rakan kerjasama sodexo melaporkan aktiviti-aktiviti sulit atau kelakuan yang melanggar tingkahlaku perniagaan bertanggungjawab kami atau melanggar undang-undang. Semua laporan akan dilihat oleh kumpulan kami.

## Siapakah boleh membuat laporan?

Semua orang yang bekerja untuk atau bagi pihak Sodexo boleh membuat laporan. Ia juga terbuka kepada semua pihak yang mana Syarikat kita mempunyai atau pernah mempunyai hubungan perniagaan (contohnya rakan kerjasama, pembekal, pemegang saham, ejen, pengedar, wakil dan pengguna) yang mahu memaklumkan kebimbangan atau kemungkinan salahlaku.

## Bagaimana memfailkan laporan?

Sebagai cadangan umum, orang pertama untuk dimaklumkan apabila mengutarakan kebimbangan adalah pengurus barisan anda. Anda juga boleh memilih membincangkan kebimbangan anda dengan wakil HR, juruaudit dalaman atau perunding guaman.

Sekiranya anda mengesyaki salahlaku dan benar-benar percaya yang perkara ini tidak boleh diselesaikan melalui saluran-saluran sedia ada, anda boleh menggunakan Perkhidmatan Speak Up Sodexo luaran. Ini memberikan anda peluang menyuarakan kebimbangan anda secara sulit dalam bahasa anda sendiri. Sodexo Speak Up dikendalikan oleh pihak ketiga yang bebas dan boleh digunakan 24/7, 365 hari setahun.

## Kesulitan dan tanpa pembalasan

Sesiapa yang menggunakan Speak Up akan dilindungi. Sila rasa yakin yang anda tidak akan menderita kerana menyuarakan kebimbangan secara jujur berkenaan salahlaku yang disyaki. Sebarang bentuk ancaman atau pembalasan tidak akan dibenarkan. Pembalasan dianggap sebagai urusan disiplin.

Anda boleh kongsi kerisauan anda tanpa nama (jika dibenarkan mengikut undang-undang negara anda). Walau begitu, kami mengesyorkan anda mendedahkan identiti kerana lebih sukar, dan dalam sesetengah kes mustahil untuk kami menyiasat laporan yang dibuat tanpa nama.



Selepas anda melengkapkan laporan anda (dalam talian atau melalui telefon) anda akan menerima kod unik dipanggil 'nombor akses'. Nombor ini boleh digunakan untuk memanggil semula atau mengakses laman sesawang Speak Up Sodexo untuk memeriksa apa yang berlaku dengan laporan anda.

### **Kajian dan penyiasatan**

Semua laporan diterima oleh Sodexo dilogkan ke dalam sistem pengurusan kes. Bergantung kepada sifatnya, kesegeraannya dan potensi impak laporan anda, kes ini akan dikendalikan oleh pengurus kes bersesuaian.

Laporan ini akan diproses dalam rangka masa bersesuaian antara tiga ke enam bulan, secara khususnya supaya langkah bersesuaian diambil, tidak kira orang yang berkenaan.

Jika anda percaya atau kerisauan anda atau kerisauan disuarakan ke atas anda tidak dikendalikan dengan baik atau penyiasatan tidak dilakukan dengan betul, sila hubungi Pegawai Etika Kumpulan.

### **Pejabat Etika Kumpulan Sodexo**

255 quai de la Bataille de Stalingrad 92866 Issy-les-Moulineaux Cedex 9 – France

[Ethics.Group@sodexo.com](mailto:Ethics.Group@sodexo.com)

27

### **Maklumat lanjut**

- Panduan barisan Etika Speak Up
- Pernyataan Perlindungan Data barisan Etika Speak Up



## Contact

Pegawai Etika Kumpulan Sodexo  
255 quai de la Bataille de Stalingrad  
92866 Issy-les-Moulineaux Cedex 9 - France  
Tel: +33 (0)1 57 75 84 68 - Fax: +33 (0)1 57 75 84 68  
[www.sodexo.com](http://www.sodexo.com)

